

SINOPSIS :

Kajian ini dibuat terhadap Masyarakat Kadazan/Dusun di Daerah Ranau. Dalam kajian ini pengkaji telah memilih empat kawasan sasaran utama disamping kawasan-kawasan lain di daerah Ranau. Tumpuan kajian ialah tentang Identiti dan Interaksi antara penganut agama dan aspek-aspek yang mempengaruhi atau berkaitan dengan masyarakat Kadazan/Dusun samada di luar atau dalam daerah Ranau. Pada bab 1, pengkaji menghuraikan tentang metodologi atau langkah-langkah yang boleh diambil untuk melengkapkan latihan ilmiah ini serta masalah-masalah kajian.

Pada Bab 2 pengkaji menghuraikan tentang latarbelakang geografi, masyarakat, politik, ekonomi, sosial dan kepercayaan di daerah Ranau serta dikawasan yang dipilih iaitu Kampung Lingkudou, Kg. Tegudon, Kg. Himbaan dan Kampung Bundu Tuhan. Pengkaji juga menggambarkan kesemua kawasan kajian dari aspek sejarah dan bentuk-bentuk kampung yang dipilih serta penduduknya.

Pada Bab 3, pengkaji menumpukan kepada identiti Masyarakat kadazan/Dusun didaerah Ranau dalam aspek-aspek Bahasa dan Bangsa. Selain daripada itu kumpulan-kumpulan suku yang terdapat dikawasan kajian serta asal-usul mereka. Dalam bab ini pengkaji juga menghuraikan aspek-aspek yang berkaitan antara penduduk daerah Ranau dan seluruh Sabah terutamanya dari segi identiti dan bangsa yang banyak menimbulkan kontroversi samada kepada masyarakat Ranau dan Sabah pada umumnya.

Dalam Bab 4, pengkaji membincangkan aspek-aspek kedatangan agama Islam dan Kristian kedalam masyarakat daerah Ranau serta kepercayaan tradisional mereka. Disamping itu penghuraian daripada sebelum kedatangan agama baru dan ~~daripada~~ ^{daripada} agama baru tersebut sehingga kini adalah perkara utama dalam bab ini. Selain daripada itu, pengkaji juga menghuraikan aspek-aspek penerimaan dan rintangan yang dihadapi oleh pengembang agama dalam menghadapi masyarakat didaerah Ranau serta implikasi-implikasi yang terhasil daripada kedatangan budaya-budaya baru tersebut.

Dalam Bab 5, pengkaji^t menghuraikan tentang interaksi antara agama yang banyak berkaitan dengan identiti masyarakat itu sendiri. Pengkaji juga memasukkan aspek-aspek keadaan masyarakat sebelum kedatangan agama baru dan aspek-aspek lain yang mempengaruhi kehidupan masyarakat disitu. Hubungan-hubungan diantara masyarakat dengan agama menimbulkan kelompok-kelompok dalam masyarakat disamping aspek-aspek yang mempengaruhi interaksi antara penganut agama menjadi tumpuan kepada pengkaji.

Dalam Bab 6, pengkaji membuat kesimpulan bagi kesemua bab-bab yang telah dihuraikan secara panjang lebar kedalam satu rangka yang agak lengkap. Pengkaji seterusnya menghuraikan aspek-aspek yang boleh mempengaruhi perpaduan dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun didaerah Ranau dan Sabah serta Malaysia pada amnya. Pengkaji juga memuatkan andaian-andaian tentang perpaduan yang mungkin menimbulkan konflik serta masalah kepada masyarakat Kadazan/Dusun di

Sabah dan Ranau khasnya.

Pada keseluruhannya, kajian dilakukan untuk menggambarkan, memaparkan, menghuraikan keadaan masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun khususnya di daerah Ranau dan amnya di negeri Sabah. Disamping itu, perbandingan boleh dibuat diantara masyarakat Sabah dengan keadaan masyarakat di Semenanjung Malaysia dan perpaduan antara kaum dan dalam kaum itu sendiri.